

Bil. S 66

**AKTA IMIGRESEN
(PENGAL 17)**

**PERINTAH IMIGRESEN (KAWASAN SEMPADAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM-SARAWAK) (PENGEUALIAN), 2013**

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pengecualian.
 3. Orang yang dikecualikan boleh diperiksa.
 4. Beban untuk membuktikan.
-

**AKTA IMIGRESEN
(PENGAL 17)**

**PERINTAH IMIGRESEN (KAWASAN SEMPADAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM-SARAWAK) (PENGEUALIAN), 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 54(1) dari Akta Imigresen, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Imigresen (Kawasan Sempadan Negara Brunei Darussalam-Sarawak) (Pengecualian), 2013 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 19hb Mac 2012.

Pengecualian.

2. Orang yang berikut hendaklah dikecualikan dari peruntukan-peruntukan bab 5 dan 6 —

Mana-mana orang yang —

- (a) menjadi ahli kumpulan bersama penandaan dan pengukuran sempadan Negara Brunei Darussalam-Malaysia bagi sempadan darat antarabangsa di antara Negara Brunei Darussalam — Malaysia;
- (b) memiliki suatu kad pengenalan yang sah yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek Bersama;
- (c) semasa menjalankan kewajipannya sebagai ahli tersebut, memasuki atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan jalan darat di sempadan di antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak bagi maksud projek bersama penandaan dan pengukuran sempadan.

Orang yang dikecualikan boleh diperiksa.

3. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh ditafsirkan sebagai mengecualikan mana-mana orang dari pemeriksaan di bawah bab 24 atau 26.

Beban untuk membuktikan.

4. Beban untuk membuktikan bahawa mana-mana orang adalah orang yang dikenakan perenggan 2 hendaklah terletak kepada orang itu.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 4 haribulan September, 2013.

PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA
SERI HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD YUSSOF
Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.